Kempen Ganjaran Tunai GXBank Biz FlexiLoan - Soalan Lazim

Berkuat Kuasa: 1 November 2026

No.	Soalan	Jawapan
1	**Apakah kempen ini?**	Kempen GanjaranTunai GXBank Biz FlexiLoan dianjurkan oleh GX Bank Berhad ("GXBank"), berlangsung dari **1 November 2026 hingga 31 Disember 2026** di mana pelanggan GX Biz FlexiLoan yang layak boleh mendapat ganjaran tunai sebanyak **RM600 atau RM388** dengan membuat pengeluaran dana yang melayakkan dalam Tempoh Kempen dan melengkapkan dua (2) pembayaran balik bulanan berturut-turut tepat pada masanya.
2	**Siapakah yang layak untuk menyertai Kempen ini?**	Untuk layak menyertai kempen ini, perniagaan anda mestilah: 1. Pelanggan GX Biz FlexiLoan sedia ada yang aktif serta mempunyai had kredit yang aktif sepanjang Tempoh Kempen. 2. Mengekalkan GX Biz Akaun dan/atau GX Biz FlexiLoan yang aktif dan dalam status yang baik. 3. Tidak mengalami kegagalan atau kelewatan pembayaran bagi mana-mana kemudahan dengan GXBank sepanjang Tempoh Kempen sehingga tarikh ganjaran dikreditkan
3	**Bagaimanakah kategori ganjaran ini berfungsi?**	Terdapat dua (2) kategori ganjaran bergantung kepada sejarah pengeluaran pinjaman anda sebelum 1 November 2026: • **Kategori Ganjaran 1 (Ganjaran Tunai RM600):** Untuk pelanggan aktif FlexiLoan yang **belum pernah** membuat sebarang pengeluaran dana sebelum Tempoh Kempen. • **Kategori Ganjaran 2 (Ganjaran Tunai RM388):** Untuk pelanggan aktif FlexiLoan yang **pernah membuat sekurang-kurangnya satu pengeluaran dana** sebelum Tempoh Kempen.
4	**Apakah syarat pengeluaran untuk layak mendapat ganjaran tunai?**	Anda mesti membuat **satu pengeluaran dana minimum sebanyak RM3,000** daripada had anda yang tersedia dalam Tempoh Kempen (1 Nov 2026 – 31 Dis 2026). *(Nota: Jika jumlah baki had kredit anda kurang daripada RM3,000, anda mesti membuat pengeluaran dana penuh 100% daripada baki had yang tersedia untuk layak).*
5	**Apakah syarat pembayaran balik untuk**	Anda mesti melengkapkan dua (2) pembayaran balik bulanan berturut-turut tepat pada masanya selepas tarikh pengeluaran

No.	Soalan	Jawapan
	menerima ganjaran tunai?	pinjaman yang melayakkan, tanpa sebarang kelewatan bayaran pada akaun anda.
6	**Saya pernah membuat pengeluaran dana dan telah menyelesaikan sepenuhnya GX Biz FlexiLoan sebelum kempen. Jika saya membuat pengeluaran semula, ganjaran mana yang saya layak dapat?**	Anda layak untuk **Kategori Ganjaran 2 (Ganjaran Tunai RM388)** kerana anda mempunyai sejarah pengeluaran pinjaman sebelum ini.
7	**Jika saya membuat pengeluaran dana pertama dan kemudian membuat pengeluaran susulan dalam tempoh kempen, adakah saya layak untuk kedua-dua ganjaran kempen?**	Tidak. Anda hanya layak untuk **Kategori Ganjaran 1 (Ganjaran Tunai RM600)** sahaja kerana anda tidak mempunyai sebarang sejarah pengeluaran sebelum Tempoh Kempen. Di bawah terma dan syarat kempen, setiap perniagaan hanya berhak menerima **maksimum satu (1) Ganjaran Kempen** sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
8	**Bolehkah saya mendapat lebih daripada satu ganjaran tunai jika saya membuat beberapa pengeluaran dalam tempoh kempen?**	Tidak. Setiap perniagaan yang layak hanya berhak menerima **maksimum satu (1) Ganjaran Kempen** (sama ada RM600 atau RM388) sahaja sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira jumlah atau bilangan pengeluaran yang dibuat.
9	**Bilakah dan bagaimanakah saya akan menerima ganjaran pulangan tunai saya?**	Ganjaran tunai akan dikreditkan terus ke dalam GX Biz Akaun anda yang aktif dalam tempoh **7 hari bekerja** (dan sehingga 2 minggu bagi kes luar biasa) selepas anda memenuhi semua kriteria kelayakan, termasuk melengkapkan dua (2) pembayaran balik bulanan berturut-turut tepat pada masanya.
10	**Adakah terdapat had maksimum belanjawan untuk kempen ini?**	Ya. Kempen ini tertakluk kepada jumlah peruntukan belanjawan ganjaran kempen ("Had Maksimum"). Ganjaran diberikan secara siapa cepat, dia dapat berdasarkan pemenuhan kriteria kelayakan. Sebaik sahaja Had Maksimum dicapai, GXBank berhak untuk menghentikan pemberian ganjaran atau menamatkan kempen.
11	**Bilakah tarikh akhir untuk layak menyertai Kempen ini?**	Kempen ini akan berakhir pada 31 Disember 2026 (11:59 malam). Sebarang pengeluaran yang dibuat selepas tarikh ini tidak akan layak.

No.	Soalan	Jawapan
12	**Siapa yang boleh saya hubungi jika saya mempunyai soalan lanjut tentang kempen ini?**	Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi Sokongan Pelanggan GXBank melalui sembang dalam Aplikasi GXBank. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di talian +603 7498 3188 atau menghantar e-mel ke ask@gxbank.my.
13	**Di manakah saya boleh mendapatkan terma dan syarat kempen penuh?**	Anda boleh mendapatkan terma dan syarat penuh di sini: https://www.gxbank.my/campaign-tnc.